



MEMO

Daripada : Kartin Haslinda Che Mat
Pengurus, PACS

Kepada : YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah, MPC

Melalui : Encik Rosmi Abdullah
Pengarah, PACS

Tarikh : 23 Februari 2021

PERKARA : MEMOHON KELULUSAN UNTUK MENGGUNAKAN KAEDAH SEBUT HARGA B BAGI TUJUAN PELANTIKAN KEPADA PEMBEKAL PERKHIDMATAN UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM DI BAWAH PROGRAM SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS (SPPE 2.0)

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', unit PACS telah diberikan peruntukan sebanyak RM100,000 untuk tahun 2021 bagi pengurusan projek di bawah Program SPPE 2.0, di bawah Peruntukan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12). Peruntukan ini akan digunakan untuk membangunkan sistem *Digitalisasi Ke Arah Industri 4.0* terhadap lima (5) buah syarikat PKS terpilih.

3. Unit PACS selaku Urusetia projek ingin memohon pertimbangan Dato KP untuk melantik 1 pembekal sahaja yang akan mengendalikan 5 projek tersebut di 5 syarikat yang dipilih. Kami bercadang untuk menggunakan kaedah Sebut Harga B dan tidak melalui JPPK bagi tujuan pelantikan pembekal nanti.

4. Justifikasi pemilihan kaedah sebut harga berbanding proses lantikan pembekal melalui JPPK adalah seperti berikut:

- i. Menyelaras dari segi kualiti output dan impak projek mengikut keperluan dan kehendak KPI yang telah ditetapkan.
- ii. Kadar yuran yang sangat kompetitif kerana jauh lebih rendah yang ditawarkan berbanding kadar yuran yang ditetapkan oleh JPPK.
- iii. Pembekal yang dilantik mempunyai kepakaran yang sangat diperlukan, tetapi tidak mempunyai lesen berdaftar dengan MPC dan tiada dalam senarai pembekal di bawah seliaan JPPK.
- iv. Memudahkan pemantauan dan penyeliaan kemajuan projek sekiranya pelantikan hanya bertumpu kepada 1 pembekal sahaja.

5. Oleh itu, pihak kami memohon pertimbangan dari YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan menggunakan kaedah Sebut Harga B berbanding lantikan pembekal daripada JPPK untuk pelantikan pembekal projek ini.

6. Kami terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih atas pertimbangan yang diberikan oleh Y.Bhg Dato KP.

Sekian, terima kasih.

"Berkhidmat Untuk Negara"
"Memacu Produktiviti Negara"

Saya yang menjalankan amanah,

Disediakan oleh:


.....
(KARTIN HASLINDA CHE MAT)
Pengurus
Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS)
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Tarikh: 23 Februari 2021

Disokong oleh:



.....
(ROSMI ABDULLAH)
Pengarah
Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS)
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Tarikh: 23 Februari 2021

Melalui Pengerusi JPPK:


~~Disokong/ Tidak Disokong~~


.....
Tn Haji Suhaimi Bin Hamad
Tarikh: 24 Februari 2021

~~Disokong/ Tidak Disokong~~


.....
Puan Saliza Saari
Tarikh: 25/2/2021

~~Diluluskan/ Tidak Diluluskan~~


.....
(DATO ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Tarikh: 1/3/21